Source: *Berita Harian,* p3
Date: 17 October 2016



PERTANDINGAN BAHAS: Pasukan pelajar dari NUS dan NP berbahas dengan mauduk 'Masyarakat Islam di Singapura tidak proaktif menentang radikalisme' dalam satu pertandingan anjuran cabang belia Persatuan Darul Arqam di MDIS kelmarin. – Foto TUKIMAN WARJI

Golongan belia disaran sumbang usaha menangani radikalisme

SETIAUSAHA Parlimen Ehwal Dalam Negeri, Encik Amrin Amin, mengajak golongan belia Melayu/Islam setempat mengambil langkah bagi menyumbang kepada usaha menangani radikalisme.

Malah, beliau turut menggesa belia menjadi sebahagian penyelesaian isu tersebut dan tidak sekadar menjadi pemerhati dan berbincang mengenainya sahaja.

Encik Amrin berkata demikian selepas menghadiri satu pertandingan bahas anjuran cabang belia Persatuan Darul Arqam kelmarin.

Dalam acara yang diadakan di Auditorium Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) itu, mahasiswa dari Universiti Nasional Singapura (NUS) membentuk pasukan pencadang manakala pelajar dari Politeknik Ngee Ann (NP) pula menyangkal hujah mereka selaku pasukan pembangkang.

Mereka berbahas dengan mauduk 'Masyarakat Islam di Singapura tidak proaktif menentang radikalisme'. Di akhir pertandingan, pasukan NUS dinobatkan juara.

Encik Amrin berkata isu yang dibincangkan itu adalah relevan dan amat penting dan beliau gembira peserta pertandingan bahas itu telah meneliti usaha yang dianjurkan pelbagai pihak termasuk pemerintah, akar umbi dan individu bagi menangani radikalisme.

"Cara mereka berbahas menunjukkan kematangan dan kepekaan mereka tentang isu ini dan peri pentingnya untuk kita bertindak bersama sebagai sebuah masyarakat Islam dan warga Singapura menolak keras terorisme dan radikalisme," ujarnya.

Namun lebih daripada membincangkan sama ada masyarakat Islam Singapura proaktif atau tidak dalam menentang radikalisme, beliau berkata apa yang lebih penting ialah bagaimana belia boleh menyumbang kepada usaha tersebut.

Oleh itu, Encik Amrin turut mengundang golongan belia meneruskan perbincangan dan mengambil tindakan demi mengatasi cabaran ini bersama.

"Saya rasa ini adalah langkah baik tetapi kita tidak harus hanya berbahas tentangnya atau berpuas hati dengan kata-kata sahaja. Kita juga harus bertindak.

"Saya menjemput anak muda untuk sama-sama berganding bahu bagi menangani masalah ini.

"Saya juga mengundang mereka menyahut cabaran ini dan memikirkan apakah langkah yang boleh diambil serta apakah kegiatan yang boleh dianjurkan untuk kita sama menangani masalah ini," katanya.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.